

Faks : 237605


Tel :

088-252692

Bil :

KEW(S)300-7/1/1 Klt.26/[44]

Tarikh : 11 Mac 2009



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL: 2/2009
PERLANTIKAN KONTRAKTOR UNTUK MEMUNGUT DAN MEMBELI BESI LUSUH
YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI BAGI TEMPOH DUA PULUH (20)
TAHUN DARIPADA SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN
NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2009/2029**

1. TUJUAN

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah telah mengadakan satu (1) kontrak dengan Superpanel (S) Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri di bawah LPPB untuk Memungut dan Menjual besi lusuh yang tidak boleh digunakan lagi milik Kerajaan Negeri yang berada di bawah jagaan semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri Sabah.

2. NO. KONTRAK

KKTP 1/2009 BL

KEW(S)300-7/1/1 Klt.26/[44]
11 Mac 2009

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL: 2/2009
PERLANTIKAN KONTRAKTOR UNTUK MEMUNGUT DAN MEMBELI BESI LUSUH
YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI BAGI TEMPOH DUA PULUH (20)
TAHUN DARIPADA SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN
NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2009/2029**

**3. BUTIR-BUTIR PERLANTIKAN KONTRAKTOR DAN KAWASAN-KAWASAN
PEMUNGUTAN**

3.1 KAWASAN PEMUNGUTAN : Kementerian, Jabatan
Kerajaan
dan Badan Berkanun Negeri
Sabah.

- (i) Nama Kontraktor : SUPERPANEL (S) SDN BHD
- (ii) Alamat Kontraktor : Lot 37, DBKK F-2-7 & F-3-7
Blok F, Lorong Plaza Utama I
Alamesra, Sulaman Costal
Highway,
88400 KOTA KINABALU
- (iii) Nombor Telefon : 088-488598
- (iv) Nombor Faks : 088-488598
- (v) Pegawai Dihubungi : En. Junadi bin Hamdan

3.2 AGEN SUPERPANEL (S) S/B

- (i) Nama Ajen : NEXCO SCRAP METAL SDN BHD
- (ii) Alamat Ajen : Lot No. A-5-2, 5th Floor,
Block A, Plaza Tanjung Aru,
Jalan Mat Salleh,
88100 Kota Kinabalu, Sabah

KEW(S)300-7/1/1 Klt.26/[44]
11 Mac 2009

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL: 2/2009
PERLANTIKAN KONTRAKTOR UNTUK MEMUNGUT DAN MEMBELI BESI LUSUH
YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI BAGI TEMPOH DUA PULUH (20)
TAHUN DARIPADA SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN
NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2009/2029**

(iii) Nombor Telefon : 088-230554

(iv) Nombor Faks : 088-272554

4. TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak ini adalah untuk Dua Puluh (20) tahun bermula 31 Mac 2009 sehingga 30 Mac 2029.

5. PELAKSANAAN KONTRAK

- 5.1 Kontraktor adalah dikehendaki memungut sendiri besi-besi lusuh yang tidak boleh digunakan lagi daripada semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri.
- 5.2 Ketua-ketua Jabatan dinasihatkan supaya memberitahu kepada kontraktor jumlah besi lusuh yang tidak boleh digunakan lagi yang ada dalam simpanan dan tempatnya sekali bagi memudahkan pihak kontraktor memungutnya nanti.
- 5.3 Ketua-ketua Jabatan dinasihatkan melaporkan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah sekiranya syarikat yang dilantik gagal memungut besi lusuh yang ditetapkan.

KEW(S)300-7/1/1 Klt.26/[44]
11 Mac 2009

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL: 2/2009
PERLANTIKAN KONTRAKTOR UNTUK MEMUNGUT DAN MEMBELI BESI LUSUH
YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI BAGI TEMPOH DUA PULUH (20)
TAHUN DARIPADA SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN
NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2009/2029**

6. SYARAT-SYARAT KHAS

- 6.1 Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri hendaklah menjual besi lusuh melalui kontrak ini tanpa perlu mendapatkan kelulusan Lembaga Pemeriksa untuk pelupusan.
- 6.2 Besi lusuh yang dimaksudkan adalah besi lusuh yang tidak boleh digunapakai lagi atau tidak boleh dibaikpulih lagi merangkumi Jentera, kenderaan, motor letrik, transformer, jambatan, landasan keretapi, bateri, tiang lampu, menara letrik, paip, kabel, feri, rim tayar dan lain-lain yang ada kaitan dengan besi dan logam.

7. PROSES PELUPUSAN

Semua proses pelupusan besi lusuh hendaklah berpandukan kepada carta aliran seperti di Lampiran B.

8. KADAR HARGA

- 8.1 Kadar harga semasa besi lusuh yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya berjumlah **RM200.00** setan.
- 8.2 Kadar harga ini akan disemak semula oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah setiap tahun sekali (sekiranya ada keperluan).

KEW(S)300-7/1/1 Klt.26/[44]
11 Mac 2009

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL: 2/2009
PERLANTIKAN KONTRAKTOR UNTUK MEMUNGUT DAN MEMBELI BESI LUSUH
YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI BAGI TEMPOH DUA PULUH (20)
TAHUN DARIPADA SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN
NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2009/2029**

9. KAEDAH PEMBAYARAN

Syarikat yang di lantik dikehendaki membuat pembayaran secara sekaligus kepada Bendahari Negeri/Bendahari Daerah dalam bentuk "WANG TUNAI" sahaja dan 'RESIT PERBENDAHARAAN' akan dikeluarkan sebagai bukti pembayaran.

10. HASIL KERAJAAN

Hasil jualan besi lusuh hendaklah dikreditkan kepada kos hasil di bawah tajuk pecahan kepala S00 140 200101 000000 00000000 73201 (Jualan Harta Kerajaan dan Barang-Barang). Disamping itu semua Ketua jabatan adalah dikehendaki mengemukakan satu laporan ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan mengenai penjualan besi lusuh yang tidak boleh digunakan lagi dengan menggunakan borang **LAMPIRAN A** yang dikepilkkan bersama.

11. PENGGUNAAN KONTRAK

11.1 Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri Sabah dikehendaki menggunakan kontrak ini sahaja dan penjualan diluar kontrak adalah dilarang. Sebarang penyelewengan dalam kontrak ini yang mengakibatkan kerugian hasil Kerajaan, maka pegawai yang terlibat akan diambil tindakan yang sewajarnya.

11.2 Syarikat yang dilantik adalah dikehendaki menunjukkan "Resit Perbendaharaan Asal" yang dikeluarkan oleh Bendahari Negeri/Bendahari Daerah sebelum dibenarkan memunggut besi lusuh tanpa memilih yang baik sahaja dan dalam tempoh yang di tetapkan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan masing-masing.

KEW(S)300-7/1/1 Klt.26/[44]
11 Mac 2009

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL: 2/2009
PERLANTIKAN KONTRAKTOR UNTUK MEMUNGUT DAN MEMBELI BESI LUSUH
YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI BAGI TEMPOH DUA PULUH (20)
TAHUN DARIPADA SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN
NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2009/2029**

12. TEMPOH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.

13. HAL-HAL LAIN

Jika ada apa-apa masalah dalam pelaksanaan kontrak ini, semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Negeri Sabah adalah dinasihatkan supaya menghubungi Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah melalui:

Alamat : Kementerian Kerajaan Tempatan &
Perumahan,
Blok C, Tingkat 2-6,
Wisma Tun Fuad Stephens,
88999 KOTA KINABALU

Nombor Telefon : 088-256744
Nombor Faks : 088-234076

Pegawai Dihubungi : **Encik Nor Isham Narawi**

KEW(S)300-7/1/1 Klt.26/[44]

11 Mac 2009

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL: 2/2009
PERLANTIKAN KONTRAKTOR UNTUK MEMUNGUT DAN MEMBELI BESI LUSUH
YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI BAGI TEMPOH DUA PULUH (20)
TAHUN DARIPADA SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN
NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2009/2029**

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH


(DATUK YUSOFF BIN DATUK HJ. MOHD. KASSIM)
Setiausaha Tetap

- s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan,
KOTA KINABALU
- " Pengarah
Jabatan Kerja Raya
KOTA KINABALU
- " Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Wisma Kewangan
88595 KOTA KINABALU

Tarikh :

Setiausaha Tetap
 Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan
 Tingkat 2-6, Wisma Tun Fuad Stephens
 88999 KOTA KINABALU
 [Faks: 088-234076]

PENYATA PUNGUTAN BELIAN BESI LUSUH BAGI

BIL	NAMA KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN	TARIKH PUNGUTAN/BELIAN	KADAR HARGA	KUANTITI BESI LUSUH YANG DIPUNGUT (TON)	NILAI (RM)
	JUMLAH BESAR				

Adalah disahkan bahawa jumlah pungutan dan pembelian Besi Lusuh di bawah Kontrak ini bagi bulanadalah seperti di atas.

.....
 Tandatangani Ketua Jabatan
 Cop Jabatan

CARTA ALIRAN PROSES PELUPUSAN BESI LUSUH

